

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN : 447**

**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian dalam usaha menambah baik dan meningkatkan pengangkutan komersial/barangan dengan keretapi demi mengurangkan kos pengangkutan komersial dan kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pengangkutan memang menyedari bahawa antara langkah berkesan untuk mengatasi masalah kesesakan di lebuh raya utama, seperti lebuh raya Utara-Selatan adalah dengan memperkasakan perkhidmatan kereta api penumpang/barangan agar ianya lebih cekap, efisien dan boleh dipercayai (*reliable*).

Sehubungan dengan itu, inisiatif-inisiatif berikut sedang/akan dilaksanakan bagi memastikan objektif tersebut tercapai:

- a. Pembinaan Landasan Berkembar dan Membaikpulih/Menaiktaraf Infrastruktur Landasan Sedia Ada:
  - i) Meneruskan pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru bagi melengkapkan sektor Pantai Barat Semenanjung dengan infrastruktur perkeretapian moden yang mampu menyediakan perkhidmatan tren penumpang dan kargo yang selamat, pantas dan efisien. Projek yang menelan belanja RM 10.5 billion ini dijangka siap pada Oktober 2021.
  - ii) Membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur landasan di Pantai Timur (Gemas – Tumpat), Rawang – Salak Selatan, Kempas Baru - Pasir Gudang dan Landasan Cawangan Pelabuhan Klang Utara dengan kos keseluruhan sebanyak RM3.64 billion.

b. Baikpulih Stokereta Sedia Ada:

- i) Perolehan 13 Diesel Multiple Unit (DMU) 4-koc dengan kos berjumlah RM380 juta dan digunakan untuk operasi komersil Perkhidmatan Antarabandar jangkaan pada tahun 2020.
- ii) Pelaksanaan kerja-kerja *overhaul* 40 unit lokomotif serta baikpulih koc-koc penumpang sedia ada dengan kos keseluruhan sebanyak RM315 juta.

c. Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Kargo KTMB

- i) Bekerjasama dengan pengusaha bas seperti Rapid, GO KL, Selangor Omnibus, teksi dan GrabCar bagi menyediakan kemudahan *first and last mile connectivity* dari dan ke stesen-stesen KTMB.
- ii) Meningkatkan kecekapan dengan melarikan tren kargo mengikut jadual tetap (*fixed schedule*) yang membawa muatan sehingga 40 ke 50 gerabak setiap larian bagi memastikan kapasiti tren dapat dioptimakan dan pusingan balik stokereta yang cepat.
- iii) Sentiasa memastikan kadar tambang kargo yang ditawarkan kepada pelanggan adalah kompetitif dan berdaya saing dengan mod pengangkutan yang lain.

- iv) Memperkenalkan sistem e-tiket dan mobtiket melalui aplikasi di dalam telefon pintar bermula 1 Julai 2015 bagi memudahkan pengguna untuk membeli tiket perkhidmatan ETS dan Antarabandar secara atas talian tanpa perlu ke stesen.
  
- v) Pemberian tiket konsesi bagi golongan yang layak seperti warga emas, OKU, pelajar dan kanak-kanak dengan potongan harga tiket sehingga 50% untuk menarik lagi lebih ramai orang awam menggunakan perkhidmatan keretapi.
  
- vi) KTMB juga memperkenalkan sistem *freight on-line* untuk memudahkan pelanggan kargo membuat dan menghantar Borang Penghantaran (*consignment note*), memeriksa kedudukan lokasi tren dan wagon yang terkini serta mengemaskini senarai inbois yang perlu dibayar secara atas talian.